



SIARAN MEDIA **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

“PENGAGIHAN DIVIDEN SSPN TAHUN 2018 DAN GANJARAN KESETIAAN SSPN-i”

1. **Kuala Lumpur, 29 Januari 2019** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengadakan **pengumuman dividen Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Tahun 2018** dan **Ganjaran Kesetiaan SSPN-i**.
2. Pengumuman dibuat oleh **YBhg. Encik Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN**. Turut hadir **YBrs. Encik Wan Ahmad bin Wan Yusoff, Ketua Eksekutif PTPTN**, dan **Pengurusan Tertinggi PTPTN**.
3. **SSPN** merupakan instrumen simpanan pendidikan yang diperkenalkan oleh **PTPTN**. Di bawah **SSPN** ini terdapat dua produk iaitu **SSPN-i** (yang dilancarkan pada tahun 2004) dan **SSPN-i Plus** (yang dilancarkan pada tahun 2015).

DIVIDEN SSPN TAHUN 2018

4. Pada tahun 2018, PTPTN telah berjaya mencapai kutipan deposit **SSPN** berjumlah **RM1.13 bilion**. Ini merupakan **jumlah penabungan tertinggi yang pernah dicapai oleh PTPTN semenjak produk SSPN ini diwujudkan pada tahun 2004 (SSPN-i) dan 2015 (SSPN-i Plus)**.
5. Manakala **bilangan akaun baharu yang telah dibuka** adalah sebanyak **678,829**. **Ini juga merupakan pencapaian tertinggi dalam sejarah PTPTN.**
6. Kedua-dua pencapaian ini menunjukkan berlakunya **peningkatan ketara berbanding tahun 2017** iaitu **peningkatan sebanyak RM404.48 juta atau 55.61% untuk deposit** dan sebanyak **231,790 atau 51.85% untuk akaun baharu**.

7. Secara keseluruhannya, sehingga **31 Disember 2018**, sebanyak **3.91 juta akaun** telah dibuka dengan **jumlah deposit RM4.50 bilion**. **Pencapaian kutipan deposit sebanyak RM1.13 bilion bagi tahun 2018 amatlah signifikan dan merupakan satu kejayaan besar** dalam usaha untuk PTPTN menggalakkan penabungan di kalangan rakyat Malaysia. **Berbanding jumlah keseluruhan sebanyak RM4.50 bilion yang dicapai setelah 14 tahun SSPN diperkenalkan, sebanyak 25% adalah merupakan tabungan tahun 2018.**
8. Peningkatan mendadak ini adalah **hasil usaha yang gigih dan konsisten PTPTN dan Kerajaan** dalam menggalakkan masyarakat Malaysia untuk membuat persediaan lebih awal dengan membuat penabungan bagi tujuan pendidikan anak-anak sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman untuk pendidikan tinggi. Peningkatan ini juga memberi petunjuk bahawa semakin ramai rakyat Malaysia yang telah mula sedar tentang kepentingan membuat perancangan kewangan demi memastikan cita-cita untuk melihat kejayaan anak-anak melanjutkan pengajian.
9. Untuk itu, sukacita diumumkan bahawa **kadar dividen SSPN bagi tahun 2018** adalah sebanyak **4 peratus**. Pemberian ini melibatkan anggaran peruntukan sebanyak **RM114.55 juta dan akan memberi manfaat kepada lebih 3.91 juta pendeposit SSPN**.
10. Kadar 4 peratus dividen yang diberikan ini adalah **berdasarkan kepada pulangan bersih pelaburan yang telah dibuat atas deposit yang telah diterima oleh PTPTN**. PTPTN masih dapat mengekalkan kadar dividen SSPN yang kompetitif walaupun suasana ekonomi yang mencabar dan dengan pelbagai tekanan yang diterima.
11. Pemberian **kadar dividen yang kompetitif berbanding dividen yang diberikan oleh akaun simpanan yang lain** diharap menjadikan SSPN lebih berdaya saing dan menjadi instrumen simpanan pilihan dan keutamaan di kalangan masyarakat Malaysia.
12. Selain pemberian dividen, **ibu bapa juga diberikan insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM6,000**. Dengan menyimpan melalui SSPN, pendeposit turut mendapat perlindungan takaful sehingga RM1 juta, dijamin

kerajaan dan patuh syariah. Dengan keistimewaan pelepasan taksiran cukai, kadar dividen dan juga perlindungan takaful yang diberikan, pendeposit SSPN sebenarnya mendapat keuntungan bukan setakat 4% sahaja.

13. Melalui pembentangan **Bajet 2019**, kerajaan telah menaikkan insentif pelepasan taksiran cukai untuk SSPN daripada RM6,000 kepada RM8,000 bermula tahun taksiran 2019. PTPTN mengharapkan dengan peningkatan ini, lebih ramai masyarakat Malaysia yang dikenakan cukai pendapatan merebut peluang dengan membuat simpanan dalam SSPN.

GANJARAN KESETIAAN SSPN-i

14. Pada tahun 2019, genap usia **15 tahun SSPN-i dilancarkan**. Maksudnya, SSPN-i sudah pun mencapai usia remaja. Untuk itu, PTPTN terus **melaksanakan pelbagai strategi dalam memperkasakan produk simpanan ini dan membudayakan penabungan pendidikan di kalangan masyarakat Malaysia.**
15. **Sebagai apresiasi kepada masyarakat Malaysia yang membuat penabungan secara konsisten untuk jangka masa panjang, PTPTN turut memberikan insentif khas sebagai tambahan ganjaran selain dividen tahunan. Ia merupakan Ganjaran Kesetiaan yang diberikan kepada pendeposit sebagai tanda penghargaan atas kesetiaan pendeposit menyimpan di dalam SSPN-i.**
16. Setiap pendeposit yang memenuhi syarat kelayakan akan menerima **Ganjaran Kesetiaan** sebanyak **0.5%** atas **simpanan yang dibuat dalam tempoh promosi**. Tempoh promosi adalah selama **empat (4) bulan** bermula **1 Januari 2019 sehingga 30 April 2019.**
17. Ia terbuka kepada pendeposit:
 - a) Yang **membuka akaun SSPN-i sebelum tahun 2016;**
 - b) Mempunyai **transaksi simpanan dalam tahun 2016 hingga 2018;**
 - c) **Tiada pengeluaran dalam tahun 2016 hingga 2018;**
 - d) **Baki simpanan mestilah sekurang-kurangnya RM1,000 pada 31 Disember 2018;** dan
 - e) Membuat **penambahan simpanan terkumpul sekurang-kurangnya RM500 dalam tempoh promosi tanpa ada pengeluaran** dari mana-mana akaun di bawah pendeposit yang sama.

LoveSSPN

18. **SSPN** merupakan **skim simpanan pendidikan yang sewajarnya dimiliki oleh setiap isi rumah** kerana ia bukan hanya simpanan semata-mata **tetapi turut menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat yang baik dan menyeluruh untuk warganegara Malaysia.**

19. **Ibu bapa daripada pelbagai kategori pendapatan dan bangsa** perlu mempunyai **akaun SSPN untuk setiap anak-anak** mereka kerana **penabungan dan perancangan kewangan** merupakan **dimensi penting** dalam pendidikan tinggi negara bagi **mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan.**

20. PTPTN akan terus melipatgandakan usaha mengubah budaya rakyat dari budaya berhutang kepada budaya menabung. Kakitangan di PTPTN telah menunjukkan prestasi yang baik dalam membantu mencapai agenda ini. PTPTN akan terus berusaha lebih keras dan ibu bapa perlulah meraih peluang yang ada untuk menabung demi masa depan anak-anak. Melalui penabungan, **MARI KITA BINA IMPIAN dan BINA HARAPAN** mereka.